

Lelaki mencuri peralatan binaan dipenjara sehari, denda RM2,500

KUCHING: Padah men-curi peralatan pem-binaan pada Ahad, se-orang lelaki dijatuhi hukuman penjara sehari dan didenda RM2,500 atau dua bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Mohd Hazman Sabu, 35, mengaku bersalah sebaik didakwa di hadapan Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan.

Seksyen itu mempe-runtukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan boleh juga dikenakan denda jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa men-curi sembilan keping tembaga pendingin hawa yang telah dipotong, se-unit tong gas penghawa dingin, lapan keping da-wai pendingin hawa dan segulung pita pelekat.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya pada 2 April lalu, sekitar jam 3 pagi di sebuah stor tapak pembinaan di Taman Supreme, di sini.

Berdasarkan fakta kes, seorang pengawal keselamatan (pengadu) bersama rakan setugas melihat kelibat orang tidak dikenali (tertuduh) membuka stor simpanan

barang di tempat ke-jadian.

Pengadu dan rakan-nya bertindak menang-kap tertuduh bersama barang curi tersebut, sebelum memaklumkan kejadian kepada pihak pengurusan.

Tertuduh juga hendak melarikan diri semasa kejadian dan oleh itu, berlaku sedikit perge-lutan antara mereka.

Anggaran kerugian adalah sekitar RM700.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Mohd Adz-meい Ahmad manakala tertuduh tidak diwakili peguam.